

Hanya 20 peratus boleh cuti

Pegawai, anggota bomba siap sedia hadapi musim tengkujuh

KUANTAN

Hanya 20 peratus daripada 14,400 pegawai dan anggota bomba di seluruh negara dibenarkan bercuti sepanjang musim tengkujuh tahun ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah berkata, kebenaran bercuti itu juga bergantung kepada alasan munasabah dan akan berkuat kuasa



FOTO: BERNAMA

Anggota JBPM menyelamatkan mangsa lemas ketika melakukan demonstrasi menyelamat pada Perasmian Pelancaran Kempen Keselamatan Aktiviti di Air 2019 di Pantal Teluk Cempedak semalam.

sehingga akhir Februari depan sebagai meningkatkan kesiapsiagaan jabatan semasa bencana banjir.

"Persiapan dan kekuatan kita dalam menghadapi

banjir besar kerana kita sedar dalam perkara berkaitan bencana, bomba antara agensi terawal terlibat. Persediaan kita perlu dibuat secara maksimum

kerana trend banjir pada masa kini sudah tidak menentu dan sukar dijangka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar

Persiapan dan kekuatan kita dalam menghadapi banjir besar kerana kita sedar dalam perkara berkaitan bencana, bomba antara agensi terawal terlibat."

- Raja Kamarul Bahrin

selepas melancarkan Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti Di Air 2019 di Teluk Cempedak di sini semalam.

Hadir sama Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan Pahang, Abd Rahim Muda dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Nor Hisham Mohammad.

Raja Kamarul Bahrin juga mengingatkan ibu bapa untuk lebih mengawasi pergerakan anak khususnya pada musim teng-

kujuh yang dijangka berlaku dalam musim cuti sekolah bagi mengurangkan risiko berlaku kejadian tidak diingini seperti lemas.

"Sudah tidak sesuai musim banjir disifatkan sebagai pesta air seperti yang dibuat dahulu dan pandangan ini patut ditamatkan.

"Lebih baik kita mengambil jalan selamat seperti tidak mengambil mudah arahan awal bomba untuk berpindah, jika ada keperluan berbuat demikian," katanya. - Bernama